

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**RAK 442 – Sejarah Dan Teori Seni Bina 2**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMBILAN** soalan sahaja : Semua soalan dari **BAHAGIAN A**. Jawab **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**, **SATU** soalan dari **BAHAGIAN C** dan **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN D**

**BAHAGIAN A: (Jawab SEMUA soalan dari Bahagian ini)**

1. Apakah beza di antara talian waktu linear dan talian waktu berkitar dalam penerangan sejarah.

Apakah maksud serpih dan seluruh dalam sesuatu penerangan sejarah seni bina?

(10 markah)

2. Apakah peranan eksekutif, legislatif dan judisiari sesuatu negara dalam penghasilan seni bina?

Tunjukkan bagaimana perubahan dalam satu elemen di atas dapat mengubah penghasilan seni bina?

(10 markah)

**BAHAGIAN B: (Jawab TIGA soalan sahaja).**

3. Apakah ideologi asas seni bina moden? Apakah erti penerapan ideologi ini ke dalam seni bina Malaysia?

(10 markah)

4. Beza dan bandingkan seni bina Hindu dengan seni bina Islam. Bagaimanakah perubahan ideologi mengubah penghasilan seni bina?

(10 markah)

5. Beza dan bandingkan seni bina pra-Hindu dengan seni bina pasca-Merdeka.

Apakah elemen yang tidak berubah dalam kedua-dua seni bina ini?

(10 markah)

6. Apakah elemen-elemen asas seni bina Cina? Bagaimanakah elemen ini ditransformasikan dalam seni bina Cina Islam dan Cina Moden?

(10 markah)

7. Apakah elemen-asas seni bina Melayu? Bagaimanakah elemen ini ditransformasikan dalam seni bina Melayu Hindu dan Melayu Moden?

(10 markah)

**BAHAGIAN C: (Jawab SATU soalan sahaja).**

8. Penghakisan ruanglingkup profesion arkitek telah ditimbulkan oleh USM dalam Bengkel Seni Bina tahunan, MAB1995: *Realization*, yang mengajak semua IPTA di Malaysia menyedari keadaan ini dan mengorak langkah untuk merealisasi penyelesaiannya. Tiga tahun kemudian, USM mengajak pula semua IPTA membuat satu lompatan kuantum dengan mengambil nilai-nilai universal sebagai asas pendidikan dan praktik seni bina untuk menghadapi globalisasi di MAB1997: *1,2,3... Univers*. Ini dikonkritkan pula dalam *Deklarasi Pulau Pinang: Arkitektur Untuk Millennium Ketiga*. Melihat responsi dari IPTA dalam usahasama meletakkan seni bina di satu pelantar global, USM telah meneruskan usaha menajamkan alatan seni bina semua IPTA untuk menerobos sempadan-sempadan di antara profesion seni bina dengan mendemonstrasikan kaedah penghasilan seni bina di MAB2002 *Convergence*. Pada tahun 2004 sebuah IPTA tempatan mengadakan satu forum seni bina bertajuk *Future Challenges: Towards Holistic Realization* yang menimbulkan tentang penghakisan ruanglingkup profesion arkitek dan persiapan yang para arkitek perlukan untuk mengorak langkah seterusnya. Setelah sepuluh tahun USM berusaha memberikan landasan alternatif kepada pendidikan dan praktik seni bina, kenapakah baru sekarang IPTA tempatan baru hendak mengenalkannya? Apakah yang telah berlaku selama sepuluh tahun sejak 1995? Berikan analisis anda.

(20 markah)



9. Pada tahun 2004 USM telah mengadakan satu pameran bertema *Archiweek Rewind* di PAM Centre, menggalakkan pelawat melihat semula apa yang telah dihasilkan oleh pelajar dalam Bengkel Seni Bina Tahunan Antara IPTA. Tunjukkan bagaimana tema ini dapat diolahkan untuk menghasilkan MAB seterusnya yang akan dituanrumahkan oleh USM.

(20 markah)

10. Memahami perubahan dalam ideologi seni bina, cadang dan butirkan asas ideologinya, satu tema yang boleh digunakan untuk menghasilkan satu forum yang dapat menunjukkan kepada jalan keluar bagi semua masalah-masalah yang dihadapi oleh IPTA dan praktis seni bina Malaysia kini.

(20 markah)

**BAHAGIAN D : (Jawab SEMUA Soalan).**



11. Huraikan kaitan **Rajah 1** dan **2** dengan perkembangan rekabentuk seni bina. Anda perlu nyatakan sekurang-kurangnya tiga orang arkitek dan bangunan sebagai model/ccontoh dalam jawapan untuk huraian ini. (Panduan Kata Kunci: Universal, Regionalisme, Mass Production, and Batch Production).

(Sila tulis jawapan di dalam satu helai muka surat kertas jawapan sahaja)

(14 markah)

12. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan '*Sustainable Building Construction*'. Mengapakah isu ini merupakan perkara yang paling utama dalam pembangunan Seni Bina Tropikal di rantau Asia Tenggara pada masa kini? (Kata Kunci: Jawapan berdasarkan buku kuliah).

(Sila tulis jawapan di dalam satu helai muka surat kertas jawapan sahaja).

(8 markah)

13. Terangkan sejarah rekabentuk bangunan Eropah yang mengaplikasikan penggunaan batu dan batu-bata di Malaysia. Bagaimanakah sistem ini telah mencorakkan rekabentuk bangunan dan perumahan berasaskan *Piawaian Perancangan* dan *Undang-Undang Seragam Bangunan* di Malaysia?

(Sila tulis jawapan di dalam satu helai muka surat kertas jawapan sahaja)

(8 markah)